

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : UPACARA PENYERAHAN LEMBU-LEMBU KORBAN
Lokasi : JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN, NEGERI SELANGOR
Tarikh : 07-06-1991

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berusaha Saudari Pengerusi Majlis; Yang Berhormat Datuk Seri Sanusi Junid Menteri Pertanian dan Datin Seri; Yang Berbahagia Datuk Dr. Ahmad Mustaffa b Haji Babjee, Ketua Pengarah Perkhidmatan Haiwan dan Datin; Yang Berusaha Dr. Kadir Sultan dan Dr. Raj Karim; Dif-dif Kehormat; Puan-puan dan Tuan-tuan; Selaku Yang di-Pertua BAKTI dan bagi pihak semua ahli- ahli BAKTI, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Jawatankuasa Pengelola Majlis ini kerana sudi menjemput saya bagi menyempurnakan penyerahan lembu- lembu korban kepada golongan yang kurang bernasib baik pada hari Jumaat yang berkat ini.

2. Beberapa bulan yang lalu, saya telah menerima perutusan mengenai hajat empat hamba Allah untuk menyumbangkan kepada BAKTI beberapa ekor kambing biri-biri dan lembu untuk dikorbankan. Amanah mereka ialah supaya BAKTI menyampaikan haiwan-haiwan korban ini kepada kampung-kampung yang termiskin di daerah-daerah di seluruh negara. Jawatankuasa Tadbir BAKTI terpegun dan mengambil masa, lebih kurang sebulan memikirkan bagaimana setiap ahli BAKTI yang beragama Islam akan mengherat pulang beberapa ekor lembu dan kambing biri-biri dari laman Sri Perdana ke kawasan masing-masing.

Ini adalah julung kali BAKTI mendapat suatu sumbangan yang amat murni daripada hamba-hamba Allah yang berniat suci dan mulia sebagai tanda kesyukuran kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Puan-puan dan tuan-tuan,

3. Korban ialah satu perkataan yang kerap kali kita dengar dan sebut. Justeru itu, marilah sama-sama kita menyorot kembali pengertiannya yang sebenar. Jika kita lihat kepada sejarah 'Korban' ini, maka kita dapat menyorot ke zaman yang seawal-awalnya lagi. Korban ini mula dilakukan oleh Qabil dan Habil, dua orang anak Nabi Adam, oleh Nabi Noh dan oleh Nabi Ibrahim serta anakandanya Ismail Alaihimus Salatu Wassalam.

4. Al-Quran merakamkan kisah yang amat menarik dan penuh keinsafan mengenai pengorbanan dua orang hamba Allah yang setia, iaitu Nabi Ibrahim dan puteranya Ismail Alaihimus Salatu Wassalam, dengan Firman Allah yang bermaksud: "Maka manakala Ismail telah besar berkatalah Ibrahim kepada anaknya 'Wahai anakku, sesungguhnya aku bermimpi diperintahkan aku menyembelihmu, maka apa fikiranmu?' Menjawab Ismail, 'Wahai ayahku perbuatlah apa yang diperintahkan kepadamu insya-Allah ayah akan mendapati daku dari orang-orang yang sabar.' Maka manakala kedua-duanya telah menyerah diri dan Ismail telah dibaringkan, lalu Allah berseru, 'Hai Ibrahim, engkau telah laksanakan mimpimu, sesungguhnya demikianlah kami (Allah) memberi balasan kepada orang-orang yang berbuat baik. Bahawasanya ini adalah percubaan yang nyata dan kami (Allah) telah tebus Ismail itu dengan kibasy yang besar." Puan-puan dan tuan-tuan, 5. Maksud Firman Allah dari Ayat 102-107 Surah Assaffat itu tadi tersimpul satu kisah yang paling menarik dan mengandungi hikmah dan panduan yang paling berguna.

Kesetiaan dua orang hamba Allah ini bukan setakat mengorbankan hartanya, malah jiwanya sekali apabila ianya dikehendaki oleh Allah. Betapa tawakalnya seorang bapa untuk mengorbankan anak yang dicintai dan betapa luhurnya hati seorang anak menyerah dirinya untuk disembelih oleh bapanya, yang semata-mata digerakkan oleh keimanan dan keabdian kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala.

6. Inilah semangat pengorbanan yang dipupuk dan disirami oleh Islam sepanjang zamannya agar ianya tetap subur di hati setiap umat Islam. Inilah hikmah yang tersirat daripada amalan korban yang dilakukan, yang mengharap semoga dada umat Islam penuh dengan pengorbanan -- pengorbanan dalam erti kata yang seluas-luasnya, apabila sampai masanya bagi mencapai keredaan Allah Subhanahu wa

Ta'ala.

Puan-puan dan tuan-tuan,

7. Majlis pada petang ini telah diatur oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan bagi pihak BAKTI untuk menyelenggarakan amanah beberapa orang hamba Allah yang mempunyai kemampuan untuk mengorbankan harta mereka kerana Allah Subhanahu wa Ta'ala. Pengorbanan yang mereka lakukan ialah dengan memberikan lembu-lembu dan kambing biri-biri yang agak besar bilangannya kepada golongan yang kurang bernasib baik di seluruh negara. Saya berasa amat gembira kerana tuan-tuan dan puan-puan telah memilih amalan murni mengikut Sunnah Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w., semoga hari-hari yang kita lalui ini bukan makin menjauhkan, tetapi kian mendekatkan kita kepada amalan-amalan Islam yang sebenarnya.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada hamba-hamba Allah itu kerana memilih BAKTI sebagai saluran untuk menyampaikan hajat mereka.

Marilah kita sama-sama berdoa agar kumpulan hamba Allah yang begitu dermawan (jika dibenarkan saya menggunakan istilah ini) diberkati Allah dan dilimpahi dengan rezeki yang lebih lumayan.

8. Saya juga ingin menyeru kepada orang Islam yang berada agar mencontohi kumpulan hamba Allah ini, membelanjakan harta mereka ke jalan Allah, sama ada melalui korban atau amal jariah yang lain. Dengan adanya bantuan yang seumpama ini, dapat juga mengurangkan bebanan yang ditanggung oleh golongan yang kurang bernasib baik.

9. Pada petang ini ada beberapa ekor lembu dan kambing biri-biri yang akan diserahkan kepada wakil daripada tiap-tiap negeri sebagai tanda sahaja dan lembu-lembu serta kambing biri-biri yang akan dikorbankan pada Hari Raya Korban nanti akan dihantar terus ke tempat-tempat yang telah ditentukan oleh Jawatankuasa Pengelola Majlis ini. Bagi pihak BAKTI, saya ingin mengucapkan penghargaan saya dan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berbahagia Datuk Dr. Ahmad Mustaffa bin Haji Babjee, Ketua Pengarah Perkhidmatan Haiwan yang telah berusaha dan mengelolakan peraturan bagi penyerahan lembu-lembu korban ini kepada tempat-tempat yang sama-sama ditentukan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri dengan Jabatan Perkhidmatan Haiwan.

Puan-puan dan tuan-tuan,

10. Kepada semua jabatan dan individu yang terlibat dalam Majlis ini saya ucapkan juga berbilang terima kasih.

11. Akhirnya saya mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada hamba-hamba Allah yang menyumbangkan lembu-lembu dan kambing biri-biri untuk dikorbankan yang mana tanpa hajat suci mereka itu, Majlis ini tidak akan diadakan.

Puan-puan dan tuan-tuan,

12. Dengan doa semoga Majlis ini direstui oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala, dengan Bismillahir Rahmanir Rahim, saya merasmikan Majlis Penyerahan Lembu-lembu Qurban.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.